



TIPS Menghadapi **COVID-19**

Panduan Menurut Perspektif Islam



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA



جامعة إسلامية
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

HAK CIPTA JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
www.islam.gov.my
Terbitan 2020

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Kompleks Islam Putrajaya, 62100 Putrajaya, Malaysia.

Data Pengkatalogan dalam Penerbitan
Tips Menghadapi COVID-19 : Panduan Menurut Perspektif Islam

Reka Bentuk dan Atur Huruf
Bahagian Penyelidikan
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM),
Blok A dan B, Kompleks Islam Putrajaya,
No.23, Jalan Tunku Abdul Rahman,
Presint 3, 62100 Putrajaya.

Terbitan
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)

KANDUNGAN

Kata Pengantar YB Menteri Di Jabatan Perdana Menteri	2
Kata Alu-Aluan Ketua Pengarah JAKIM	3
Apa Itu COVID-19?	4
Langkah Pencegahan (1): Perlindungan Rohani	5
Langkah Pencegahan (2): Perlindungan Diri	6
Langkah Pencegahan (3): Ketika Bergejala	7
Perkara Yang Perlu Dilakukan Semasa Kuarantin Diri Di Rumah	8
Bersikap Positif Dan Mendekatkan Diri Kepada Allah SWT	9
Doa Nabi SAW Dan Ayat Ruqyah Untuk Diamalkan Apabila Sakit	10
Membantu Orang Yang Mempunyai Gejala	11
Apabila Gejala Semakin Teruk	12
Konsep Taubat	13
Perkara Yang Perlu Dilakukan Ketika Berada Di Hospital	14
Sentiasa Bersangka Baik Terhadap Allah SWT Ketika Dalam Keadaan Kritikal COVID-19	15
Garis Panduan Puasa Pesakit COVID-19	16
Menguruskan Kes Kematian COVID-19	17
Prosedur Pengurusan Jenazah COVID-19	19
Prosedur Solat Dan Pengebumian Jenazah COVID-19	20
Pendirian Seorang Mukmin Terhadap Virus COVID-19	21

Kata Pengantar

YANG BERHORMAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI



Alhamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan kepada Allah SWT, selawat dan salam buat Junjungan Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga serta para sahabat Baginda.

Malaysia khasnya dan dunia amnya telah dikejutkan dengan penemuan wabak penyakit COVID-19 yang kini telah tersebar melangkaui sempadan negara dan benua secara meluas sehingga tidak dapat dikawal dan telah mengorbankan banyak nyawa dalam masa singkat.

Kerajaan telah mengeluarkan beberapa nasihat dan arahan kepada rakyat Malaysia untuk mengambil langkah pencegahan penyakit berjangkit, termasuk larangan berkumpul dan berhimpun di satu-satu tempat dalam kumpulan yang ramai. Semua ini bertujuan membendung penularan dan jangkitan penyakit COVID-19, di samping menjaga kesihatan manusia daripada perkara-perkara yang mendatangkan kemudharatan.

JAKIM telah memberi respons segera dan berperanan secara aktif dalam memberi penjelasan serta mengeluarkan beberapa garis panduan sebagai nasihat kepada masyarakat untuk berhadapan dengan penularan wabak ini. Justeru, E-book Tips Menghadapi COVID-19 ini dihasilkan sebagai rangkuman pesanan, nasihat dan pandangan hukum kepada semua warga Malaysia ketika berhadapan dengan ujian COVID-19 ini.

Saya mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat terutama Bahagian Penyelidikan, Bahagian Penerbitan JAKIM dan Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan yang bertungkus lulus dalam penghasilan E-book ini. Semoga segala usaha yang dilakukan ini sentiasa mendapat rahmat dan keberkatan daripada-Nya.

YB SENATOR DATUK DR. ZULKIFLI BIN MOHAMAD AL-BAKRI

Kata Alu-aluan

KETUA PENGARAH JAKIM



Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan rasa syukur atas segala nikmat kurniaan Allah SWT terutama nikmat kesihatan sehingga dapat menjalani kehidupan dalam keadaan yang lebih baik dan sempurna.

Penularan pandemik COVID-19 yang melanda dunia pada hari ini memerlukan kepada kaedah pencegahan yang selaras dengan tuntutan syarak. Islam menekankan prinsip pencegahan adalah lebih baik daripada merawat. Langkah-langkah membendung penyebaran penyakit adalah lebih diutamakan sebelum ia merebak dengan lebih meluas dan tidak terkawal.

JAKIM terus proaktif dalam mengeluarkan beberapa pandangan hukum dan garis panduan berkaitan COVID-19 dengan kadar segera. Ia adalah penting agar masyarakat tidak tertanya-tanya dan menunggu lama terhadap isu yang dibincangkan terutama berkaitan soal ibadat.

E-book yang dikeluarkan ini diharap dapat membantu masyarakat bagi menyusun langkah berstrategi dalam menghadapi ancaman COVID-19 ini. Ia memuatkan tips dan pendekatan spiritual mengikut perspektif Islam.

Marilah kita bersama-sama membantu pihak kerajaan dalam usaha memutuskan rantai COVID-19 daripada terus menular dalam komuniti. Semoga segala khidmat bakti yang telah disumbang oleh pasukan penulis yang terlibat dalam penghasilan E-book ini diberi ganjaran pahala yang setimpal di dunia mahupun di akhirat. Amin Ya Rabbal 'Alamin.

DATO' PAIMUZI BIN YAHYA

Apa itu COVID-19?



COVID-19 adalah famili virus yang menyebabkan pelbagai penyakit dari selsema hingga ke penyakit lebih teruk seperti MERS- CoV dan SARS-CoV

Saranan WHO dan Langkah Pencegahan



Kerap mencuci tangan



Menutup mulut dan hidung ketika bersin dan batuk



Masak daging dan telur dengan sempurna



Elak bersentuhan dengan individu yang mempunyai gejala



Duduk rumah

Langkah PENCEGAHAN (1)

Perlindungan Rohani

1 Berdoa dan bermunajat kepada Allah SWT

Dan Tuhan kamu berfirman:
Berdoalah kamu kepadaKu nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. (Surah Ghaafir, 40:60)



2

Banyakkan istighfar, zikir, selawat ke atas Nabi SAW

Zikrullah (mengingati Allah SWT) merupakan amalan yang paling utama di sisi Allah SWT: "...dan sesungguhnya mengingati Allah itu adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya). (Surah al-Ankabut 29: 45)

3 Solat subuh tepat pada waktunya

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: Sesiapa yang bersolat subuh maka dia akan sentiasa berada dalam perlindungan Allah SWT. (Riwayat Muslim: 657)



4

Solat Dhuha

Allah SWT berfirman (Hadith Qudsi), maksudnya; Wahai anak Adam, solatlah 4 rakaat (dhuha) untuk Ku pada awal hari, nescaya Aku sempurnakan baki hari mu. (Riwayat al-Tirmizi: 475)

Doa sebelum keluar rumah

بِسْمِ اللَّهِ تُوَكِّلُّتُ عَلَى اللَّهِ وَلَا
حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ

Dengan nama Allah, aku berserah diri kepada-Nya dan tidak ada daya dan kekuatan kecuali dengan pertolongan-Nya. (Riwayat Abu Daud: 5095)

Doa agar dilindungi dari penyakit

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ،
وَالْجُنُونِ، وَالْجُذُمَ، وَمِنْ سَيِّئِ
الْأَسْقَامِ

Ya Allah, aku berlindung dengan Mu daripada penyakit sopak, gila, kusta dan penyakit-penyakit yang buruk. (Riwayat Abu Daud: 1554)

Doa dilindungi dari musibah

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ جَهَدِ الْبَلَاءِ،
وَدَرَكِ الشَّقَاءِ، وَسُوءِ الْفَضَاءِ، وَشَرَّمَائِهِ
الْأَعْدَاءِ

Ya Allah, aku berlindung dengan Mu dari kesusahan musibah, dari fitnah kecelakaan, dari nasib yang buruk dan dari kegembiraan musuh yang jahat. (Riwayat al-Bukhari: 6347)

Langkah PENCEGAHAN (2) Perlindungan Diri

1 Duduk di rumah

Jangan keluar rumah melainkan betul-betul perlu. Sekiranya perlu keluar untuk mendapatkan barang keperluan rancanglah dengan teliti supaya dapat membeli barang dengan secukupnya untuk mengelakkan kekerapan keluar rumah.

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: Keselamatan bagi seseorang itu pada zaman fitnah (terutama penyakit berjangkit) ialah bahawa dia menempatkan diri di dalam rumahnya. (Sahih al-Jami' al-Soghir: 3649)



Allah SWT melarang perbuatan yang mendedahkan kepada kemudarat. Firman-Nya yang bermaksud : "...dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kedalam bahaya kebinasaan".

(Surah al-Baqarah, 2:195)

2

Jauhi tempat-tempat yang berisiko

Elakkan berada di tempat-tempat sesak dan berisiko.

3

Penjarakan sosial


Pastikan anda sentiasa menjarakkan diri 1 meter dari orang lain dalam semua keadaan.

4

Sekiranya anda keluar rumah, pastikan;


- a. Pakai penutup muka, dan buang dengan teratur selepas diguna
- b. Elakkan menyentuh mata, hidung dan mulut
- c. Sentiasa menggunakan hand sanitizer dan basuh tangan sekerap mungkin terutamanya apabila balik ke rumah

Langkah PENCEGAHAN (3) Ketika Bergejala



- 01 Mengasingkan diri (kuarantin)
- 02 Berdoa dan bertawakal kepada Allah SWT
- 03 Sentiasa mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan oleh pakar kesihatan
- 04 Jangan berlengah untuk mendapatkan bantuan sekiranya anda memerlukan pertolongan
- 05 Dilarang hadir untuk solat berjemaah

Langkah yang perlu diambil apabila terdapat gejala



Perkara yang perlu dilakukan semasa **KUARANTIN** diri di rumah

Sekiranya anda atau orang yang tersayang menunjukkan gejala penyakit COVID-19, adalah penting untuk mengasingkan diri (kuarantin) dengan segera bagi mengelak penularan penyakit ini.



- Banyakkan solat sunat seperti solat hajat dan solat dhuha
- Membaca al-Quran
- Sentiasa mengingati Allah SWT dengan berzikir, bertasbih dan bertahmid
- Berdoa dan bermunajat kepada Allah SWT.
- Banyakkan berselawat ke atas Junjungan Nabi Muhammad SAW
- Membaca buku ilmiah dan bermanfaat
- Mendengar tazkirah atau peringatan yang baik
- Menghubungi keluarga
- Muhasabah diri
- Bersenam
- Mempelajari kemahiran baharu secara online
- Minum air secukupnya dankekalkan gaya hidup sihat

Bersikap **POSITIF** dan mendekatkan diri kepada Allah SWT

Sekiranya anda diuji dengan virus COVID-19, senantiasalah bersikap positif dan bersangka baik terhadap allah SWT. Semua yang ditentukan Allah SWT ada kebaikan dan hikmah tertentu, sama ada kita sedari atau sebaliknya.



Musibah penghapus dosa

Rasulullah SAW bersabda : Musibah (ujian) tidak akan berhenti menimpa seseorang hamba sehingga dia berjalan di atas muka bumi dengan tidak mempunyai dosa." (Riwayat al-Tirmizi: 2398)

Tanda kasih sayang Allah

Rasulullah SAW bersabda : Apabila Allah SWT mengasihi sesuatu kaum, maka Dia akan mendatangkan ujian kepada mereka.(Riwayat al-Tirmizi : 2396)

Allah menjadikan hidup dan mati itu sebagai ujian

Dia lah yang telah mentakdirkan adanya mati dan hidup (kamu) untuk menguji dan menzahirkan keadaan kamu: siapakah di antara kamu yang lebih baik amalnya; dan Ia Maha Kuasa (membalas amal kamu), lagi Maha Pengampun (bagi orang-orang yang bertaubat). Surah al Mulk 67:2

DOA Nabi SAW dan ayat RUQYAH untuk diamalkan apabila sakit



Kita dituntut sentiasa berdoa dan memohon kepada Allah SWT, terutama ketika berlaku musibah. Berikut merupakan doa Nabi SAW dan ayat ruqyah yang wajar dibaca dan diamalkan sewaktu kita dan negara dilanda wabak penyakit COVID-19.

Pertama

Membaca surah al-Fatiyah

Kedua

Membaca tiga surah iaitu surah al-Ikhlas, al-Falaq dan al-Nas.

Ketiga: Membaca doa untuk mengubati penyakit

اللَّهُمَّ رَبَّ النَّاسِ أَذْهِبْ إِلَيْنَا أَشْفِهْ وَأَنْتَ الشَّافِي لَا شِفَاءَ إِلَّا
شِفَاوْكَ شِفَاءً لَا يُغَادِرُ سَقَماً

Maksudnya: Ya Allah, Tuhan sekalian manusia, Tuhan yang menyembuh penyakit, sembahukanlah (penyakit hamba-Mu ini) kerana Engkaulah Maha Penyembuh. Tiada yang menyembuhkan melainkan penyembuhan daripada-Mu, (jadikanlah ia) penyembuhan yang tidak diulangi dengan penyakit lagi.

(Riwayat al-Bukhari: 5743)

Keempat: Membaca doa untuk melegakan kesakitan

أَعُوذُ بِعَزَّةِ اللَّهِ وَقُدْرَتِهِ مِنْ شَرِّ مَا أَجِدُ وَأَحَدُ

Maksudnya : Aku berlindung dengan Allah dengan ketinggian dan kekuasaan-Nya daripada penyakit apa yang aku deritai dan aku bimbangkan. (Riwayat Muslim, 2202)

MEMBANTU orang yang mempunyai GEJALA

COVID-19
PANDEMIC



Berdoa agar Allah menyembuhkan mereka

Minta orang lain turut mendoakan mereka

Bersedekah dengan harapan Allah akan menyembuhkan mereka

Pastikan mereka dalam keadaan baik, sentiasa optimis dan tidak berputus asa

Membantu mereka dengan pelbagai cara yang boleh disamping memastikan keselamatan diri dan orang lain



APABILA GEJALA SEMAKIN TERUK



Mengambil langkah berjaga-jaga pada tahap ini sangat penting agar tidak menyesal di kemudian hari



Demam



Sakit Tekak

Sebelum pergi ke hospital

Tiga perkara utama perlu anda lakukan;



Batuk

- Meninggalkan wasiat buat ahli keluarga
- Memberi pesanan baik kepada ahli keluarga
- Bertaubat kepada Allah SWT dengan taubat nasuha.



Sesak Nafas



Konsep TAUBAT

Bertaubat hukumnya wajib bagi memastikan seseorang bebas daripada segala dosa yang melibatkan hak Allah dan juga hak manusia.

Dosa berkaitan hak Allah SWT

Dosa dengan Allah merangkumi meninggalkan segala suruhan dan melakukan larangan Allah SWT.

Syarat bertaubat melibatkan hak Allah SWT:


- 1 Menyesal di atas segala perbuatan dosa yang dilakukan.
- 2 Menyucikan diri daripada perbuatan dosa dan berhenti daripada melakukan maksiat serta meminta ampun di atas apa yang telah dilakukan daripada Allah SWT.
- 3 Berazam tidak akan melakukan lagi segala perbuatan tersebut serta menjauhkannya.
- 4 Mengqadahkan segala apa yang telah terluput seperti amalan-amalan sembahyang, puasa dan lain-lain.

Dosa berkaitan hak manusia

Dosa dengan manusia merangkumi mengambil harta seseorang individu atau melibatkan maruah dan jiwa.

Cara bertaubat dari dosa dengan manusia adalah sebagaimana syarat di atas, dengan tambahan satu syarat iaitu perlu memohon maaf kepada manusia terhadap dosa yang berkaitan maruah dan jiwa, dan; mengembalikan harta benda yang diambil.

Perkara yang perlu dilakukan ketika berada di HOSPITAL



- Banyakkan sabar
- Sangka baik dan positif pada Allah
- Terus memohon pengampunan pada Allah
- Jaga solat lima waktu
- Banyakkan berdoa
- Banyakkan selawat ke atas Nabi SAW

Sekiranya keadaan tidak menjadi lebih baik, tetap SABAR, YAKIN, sebenarnya kita tidak bersendirian. Allah SWT dan malaikat sentiasa melindungi dan bersama-sama menjaga kita. **BANYAKKAN BERZIKIR** dengan melafazkan:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ


عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ يَقُولُ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَقِنُوا مَوْتَاكُمْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

Maksudnya: Daripada Abu Sa'id Al-Khudri RA, beliau berkata; Rasulullah SAW bersabda:

"Talkinkanlah (ajarkanlah) orang yang berada di penghujung ajalnya agar membaca (kalimah):

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

(Riwayat Muslim: 916)



Sentiasa BERSANGKA BAIK terhadap Allah SWT KETIKA dalam keadaan KRITIKAL COVID-19



Adalah sangat penting untuk bersangka baik terhadap Allah SWT, lebih-lebih lagi semasa berada di tahap kritikal ini.

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ الْأَنْصَارِيِّ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَبْلَ مَوْتِهِ بِشَلَاثَةِ أَيَّامٍ يَقُولُ: لَا يَمُوتُنَّ أَحَدُكُمْ إِلَّا وَهُوَ يُحْسِنُ الظَّنَّ بِاللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ

Maksudnya: Daripada Jabir bin Abdullah al-Anshari RA, beliau berkata; Aku mendengar Nabi SAW bersabda ketika tiga hari sebelum Baginda wafat: Janganlah salah seorang daripada kamu meninggal dunia kecuali dia berbaik sangka kepada Allah SWT. (Riwayat Muslim: 2877)

Sekiranya Anda PULIH Daripada Penyakit



- Ucapkan Alhamdulillah & berterima kasih pada Allah SWT
- Jangan menjadi leka dan terus mendekatkan diri dan berdoa kepada Allah SWT
- Melakukan sujud syukur

GARIS PANDUAN

Puasa Pesakit COVID-19

Pesakit yang positif COVID-19 diharuskan berbuka puasa sekiranya tidak mampu melaksanakan ibadah puasa, atau; atas nasihat para doktor Muslim yang merawat mereka, sekiranya puasa boleh melambatkan kesembuhan atau akan memudaratkan lagi keadaan mereka. Bagi pesakit yang kritikal, mereka diharuskan untuk tidak berpuasa.

 Berniat melaksanakan ibadah puasa pada malam hari atau ketika bersahur

 Melaksanakan puasa sebagaimana biasa mengikut kadar kemampuan diri masing-masing

 Diharuskan berbuka puasa apabila tidak mampu meneruskan ibadah puasa

 Diharuskan berbuka atas nasihat para doktor Muslim yang merawat mereka, sekiranya puasa boleh melambatkan kesembuhan atau akan memudaratkan lagi keadaan pesakit

 Diharuskan untuk tidak berpuasa bagi pesakit yang kritikal

 Pesakit yang tidak berpuasa hendaklah menghormati bulan Ramadhan dengan menjaga adab-adab tertentu

 Pesakit yang tidak mampu berpuasa disarankan memperbanyak ibadah-ibadah sunat yang lain seperti mendirikan solat tarawih, solat-solat sunat, membaca al-Quran, berselawat, berdoa, bersedekah dan sebagainya

 Ibadah puasa yang ditinggalkan hendaklah digantikan semula setelah mereka sihat mengikut bilangan hari yang ditinggalkan



MENGURUSKAN Kes Kematian COVID-19

Pertama: Sahkan kesahihan berita

- Jika waris dan berita kematian diterima dari pihak luar, hubungi pihak hospital berkaitan atau Polis (PDRM) untuk mengesahkan kesahihan berita
- Jika bukan waris (jiran, sahabat dan lain-lain), sampaikan berita kematian tersebut kepada pihak yang berkaitan untuk tindakan lanjut

Kedua: Ucapkan takziah, istirja' dan Doa

- Jika ahli keluarga terdekat dan tersayang , ucapkanlah:

إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ ، اللَّهُمَّ أَجْرُنِي فِي مُصِيبَتِي وَأَخْلِفْ لِي خَيْرًا مِنْهَا

Maksudnya: Sesungguhnya kami adalah milik Allah dan kepada-Nya-lah kami kembali, dan sesungguhnya kami akan kembali kepada Tuhan kami,
Ya Allah, kurniakan pahala di atas musibah yang ku hadapi dan gantikanlah bagi dengan apa yang lebih baik daripadanya.
(Riwayat Muslim: 918)

- Jika selainnya, ucapkanlah:

إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ، وَإِنَّا إِلَى رَبِّنَا لَمْ نُنْقَلِبُونَ، اللَّهُمَّ اكْتُبْنَا فِي الْمُحْسِنِينَ، وَاجْعَلْ كِتَابَهُ فِي عِلَّيْنَ، وَأَخْلِفْ عَلَى عَقِيبَهِ فِي الْآخِرَيْنَ، اللَّهُمَّ لَا تَحْرِمْنَا أَجْرَهُ، وَلَا تَقْتِنَّا بَعْدَهُ

Maksudnya: Sesungguhnya kami adalah milik Allah dan kepada-Nya-lah kami kembali, dan sesungguhnya kami akan kembali kepada Tuhan kami,
Ya Allah. catatlah ia pada orang-orang yang berbuat kebaikan, dan jadikanlah catatan amalannya di tempat yang tinggi (mulia), dan tinggalkanlah sesudahnya pada orang tersisa, Ya Allah .. janganlah Engkau halangi kami dari pahalanya dan janganlah Engkau beri cobaan pada kami setelahnya
(Riwayat Ibn Sunniy dalam 'Amali al-Yaum Wa al-Lailah)

Ketiga: Doakan keampunan untuk arwah

عن أم سلمة قالت : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : إذا حضرتم المريضَ، أو الميّتَ، فقولوا حيّراً، فإنَّ الملائكة يُؤمِنُونَ عَلَى مَا تَقُولُونَ، قالتْ: فَلَمَّا ماتَ أبو سَلَمَةَ أتَيَتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّ أَبا سَلَمَةَ قَدْ ماتَ، قَالَ: قُولِي: اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي وَلَهُ، وَأَعْقِبْنِي مِنْهُ عَقْبَيْ حَسَنَةً، قَالَتْ: فَقُلْتُ، فَأَعْقَبْنِي اللَّهُ مَنْ هُوَ حَيْزٌ لِي مِنْهُ مُحَمَّداً صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

Bermaksud: Daripada Ummu Salamah RA katanya, Rasulullah SAW bersabda : Apabila kamu menziarahi orang sakit atau mati maka ucapkanlah olehmu ucapan dan perkataan yang baik (doakanlah untuknya) kerana malaikat akan mengaminkan apa yang kamu katakan. Kata Ummu Salamah selepas Abu Salamah meninggal dunia aku berjumpa Nabi SAW maka aku berkata: Wahai Rasulullah sesungguhnya Abu Salamah telah meninggal dunia. Baginda berkata: ucapkanlah doa: Ya Allah ampuni dosaku dan dosanya, iringilah aku daripada kematianya dengan balasan baik. Dia berkata, maka aku doakan apa yang diajar oleh Rasulullah SAW. Maka Allah SWT telah memberikan balasan orang yang lebih baik untukku iaitu Rasulullah SAW (Riwayat Muslim: 1590)

Doakan keampunan untuk arwah


اللَّهُمَّ، اغْفِرْ لَهُ وَارْحَمْهُ وَاعْفُ عَنْهُ، وَأَكْرِمْ نُزُلَهُ، وَوَسِّعْ مُدْخَلَهُ، وَاغْسِلْهُ بِالْماءِ وَالثَّلْجِ وَالْبَرْدِ، وَنَقِّهِ مِنَ الْخَطَايَا كَمَا نَقَيْتَ التَّوْبَ الْأَبْيَضَ مِنَ الدَّنَسِ، وَأَبْدِلْهُ دَارًا حَيْرًا مِنْ دَارِهِ، وَأَهْلًا حَيْرًا مِنْ أَهْلِهِ وَرَوْجًا حَيْرًا مِنْ رَوْجِهِ، وَأَدْخِلْهُ الْجَنَّةَ وَأَعِذْهُ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ، أَوْ مِنْ عَذَابِ النَّارِ

Maksudnya: Ya Allah, ampunilah dosanya, rahmatilah ia, selamatkanlah ia, maafkanlah ia, muliakanlah tempat persinggahannya, luaskanlah kuburnya, mandikanlah ia dengan air, salju, dan embun, bersihkanlah ia dari segala kesalahan sebagaimana Engkau membersihkan pakaian putih dari kotoran, gantikanlah rumahnya dengan rumah yang lebih baik, keluarganya dengan keluarga yang lebih baik, istri/suaminya dengan istri/suami yang lebih baik, masukkanlah ia ke dalam surga, dan lindungilah ia dari siksaan kubur – atau dari siksaan neraka.(Riwayat Muslim: 919)

PROSEDUR

Pengurusan Jenazah

COVID-19



Pengurusan jenazah COVID-19 dengan cara tayammum, kafan dan solat dilakukan dengan sangat teliti dan cermat untuk mengelakkan penyebaran dan jangkitan virus. Ia mengambil kira aspek keselamatan petugas dan kehendak syarak kerana ajaran Islam sangat mementingkan keselamatan peribadi dan orang lain.



Ikuti langkah berikut:



- Maklumkan kes kematian kepada Jabatan Perubatan Forensik di mana-mana pusat perubatan/hospital jika meninggal di luar pusat perubatan/hospital
- Maklumkan kes kematian kepada Jabatan/Majlis Agama Islam Negeri (JAIN/MAIN) untuk urusan penyediaan petugas tayammum, kafan, solat jenazah dan pengebumian
- Buat pengecaman jenazah. Waris hendaklah bersedia untuk membuat pengecaman jenazah bila-bila masa diperlukan.
- Dapatkan permit pengebumian daripada pihak pusat perubatan/hospital
- Berikan kerjasama dan kepercayaan kepada pihak hospital untuk melakukan tayammum, kafan dan solat ke atas jenazah
- Waris atau ahli keluarga adalah dilarang sama sekali mencium atau memeluk jenazah

PROSEDUR

Solat dan Pengebumian Jenazah

COVID-19



Solat jenazah



Solat jenazah **HANYA** dilaksanakan di ruang yang telah ditetapkan hospital.



Hanya 2 orang petugas sahaja yang dibenarkan.




Jarak kedudukan di antara imam dan jenazah adalah 1 meter, manakala jarak di antara imam dan maknum juga adalah 1 meter



Waris atau keluarga arwah boleh menunaikan solat jenazah ghaib di rumah masing-masing tetapi bukan di tanah perkuburan.



Mengebumikan jenazah



Bilangan waris / petugas yang dibenarkan tidak melebihi 4 orang (termasuk waris)



Semua petugas dan waris perlu berpakaian lengkap dengan PPE yang disediakan dan ditetapkan oleh KKM.



Wakil hospital / KKM hendaklah memberikan penerangan dan panduan keselamatan kepada petugas dan waris sebelum pengebumian dimulakan



Wakil KKM hendaklah menyelia dan membantu memberikan nasihat dan penyeliaan sepanjang urusan pengebumian jenazah hingga selesai.



Petugas dan waris hendaklah membersihkan diri mengikut garis panduan KKM sebaik sahaja urusan pengebumian selesai



PENDIRIAN SEORANG MUKMIN TERHADAP VIRUS COVID-19

Oleh: DR. LUQMAN BIN ABDULLAH

Panel Pakar Syariah, JAKIM

Seluruh dunia kini sedang menghadapi penularan pandemik virus Carona yang dinamakan sebagai COVID-19. Jumlah mangsa yang telah dijangkiti di seluruh dunia keseluruhannya sehingga waktu ini menghampiri sejuta orang. Manakala angka kematian pula telah melebihi seratus ribu orang. Petaka besar sedahsyat ini, belum pernah disaksikan berlaku sepanjang sejarah kehidupan manusia, semenjak beberapa kurun lalu.

Allah SWT telah menetapkan apa yang dikehendaki berlaku kepada makhluk ciptaan-Nya. Tidak akan terjadi sesuatu perkara, melainkan dengan ketetapan (*qadar*) dan ketentuan (*qada'*) dari Allah SWT. Setiap yang berlaku merupakan di bawah pengetahuan Allah SWT semenjak dari azali lagi. Allah SWT berfirman dalam surah al-An'am, ayat 59, mafhumnya: *dan tidak gugur sehelai daun pun yang kering, melainkan Dia mengetahuinya, dan tidak gugur sebutir biji pun dalam kegelapan bumi dan tidak gugur yang basah dan yang kering, melainkan (semuanya) adalah tertulis di dalam kitab (Lauh Mahfuz) yang terang nyata.*

Ketetapan takdir (*al-qadr*) yang baik dan buruk itu, kesemuanya datang dari Allah SWT. Allah SWT berfirman dalam al-Quran, surah al-Qamar, ayat 49, maksudnya; *Sesungguhnya Kami menciptakan tiap-tiap sesuatu menurut takdir (yang telah ditentukan).* Ibnu Abbas RA dalam menafsirkan ayat ini menyatakan bahawa Allah SWT telah menciptakan kesemua makhluk dengan ditetapkan bersamanya takdir yang telah ditentukan. Dia telah menciptakan bagi mereka (makhluk) takdir baik dan buruk. Maka sebaik-baik takdir baik adalah kebahagiaan, dan seburuk-buruk takdir buruk adalah kecelakaan.

Inilah sudut pandang akidah bagi wabak virus COVID-19. Justeru, COVID-19 sewajarnya ditangani melalui dimensi ini. Maka marilah kita kembali kepada pegangan akidah kita yang sempurna dan mengambil langkah yang tepat dalam

menghadapi COVID-19, dengan cara mengambil dan mempraktiskan semua kaedah menanganinya dan dalam masa yang sama, kita berserah kepada Tuhan yang menciptakan segala sebab musabab, di samping kita bertawakkal dan menaruh keyakinan sepenuhnya bahawa kepada Allah SWT akan mengangkat wabak ini daripada kitab.

Pertama, kita mulakan dengan apa yang telah ditanamkan oleh para ulama kita terdahulu dan terkemudian, bahawa beriman dengan qada' dan qadar adalah merupakan kewajipan bagi seseorang Muslim. Seseorang itu hendaklah beriman bahawa Allah SWT telah mengetahui semenjak azali berkaitan semua perbuatan manusia dan berhubung semua makhluk ciptaan-Nya.

Kita juga wajib beriman bahawa Allah SWT hanya mewujudkan sesuatu makhluk, selari dengan ketetapan yang telah ditentukan dalam pengetahuanNya. Ibn Hajar dalam menghuraikan hadith Ibn Umar berkaitan iman telah menyatakan; *Adapun al-Qada' itu, ia merupakan ilmu Allah SWT dari azali lagi berkaitan sesuatu perkara yang akan berlaku. Manakala al-Qadr pula, ia adalah mengadakannya sebagaimana keadaan sesuatu bertepatan dengan ilmu Allah SWT.*

Menjadi kewajipan ke atas seseorang untuk menetapkan pegangan akidah bahawa setiap sesuatu yang terjadi itu adalah telah ditentukan terjadi oleh Allah SWT semenjak dari Luh Mahfuz lagi. Perkara ini adalah berdasarkan kepada sebuah hadith yang telah diriwayatkan oleh Muslim: ... dan ditulis segala perbuatannya, bahagia atau celaka (kesan dari perbuatannya), ajal kematiannya dan juga rezekinya. Setelah itu, dilipat buku catatan. Maka tiada lagi perkara yang boleh ditambah dan dikurangkan padanya.

Jika demikianlah pegangan akidah kita, maka apa pula peranan seseorang manusia dalam kehidupannya setelah beriman dengan yakin bahawa semua perkara dari Allah SWT. Kesemuanya telah ditetapkan sejak dari azali di bawah pengetahuan, kehendak dan kuasa Allah SWT sepenuhnya. Kenapa pula seseorang diperintahkan agar melakukan sesuatu perkara yang telah diatur oleh Allah SWT dalam kehidupannya di dunia ini, seperti mendapatkan rawatan, melaksanakan pembaikan atau perubahan dan pendidikan. Mereka juga turut dituntut melaksanakan perkara yang diredhai Allah SWT seperti ibadah dan amal soleh.

Dalam situasi manusia dilanda musibah COVID-19, apakah perkara yang perlu dilakukan oleh seorang manusia, sekiranya telah ditentukan Allah SWT, ia akan mati disebabkan oleh COVID-19. Apakah ada ruang bagi seseorang untuk lari daripada musibah, dengan mengambil semua langkah-langkah yang perlu dalam menghadapi musibah, setelah semua perkara yang akan berlaku telah ditentukan oleh Allah SWT?

Satu hakikat yang perlu diberi perhatian adalah, berusaha melakukan kesemua usaha dan mengambil segala sebab musabab, sesekali tidak bermaksud seseorang menafikan keimanannya dengan ketentuan Allah SWT (*al-qadr*), bahkan usaha dan sebab musabbab itu sendiri merupakan sebahagian daripada ketentuan Allah SWT untuk manusia. Rasulullah SAW semasa hidupnya mengambil semua sebab musabab kepada kejayaan dalam menyampaikan dakwahnya seperti mengatur strategi dan membuat perundingan dari hari pertama baginda menyampaikan risalah kepada manusia, bermula dengan dakwah secara sulit hingga secara terang terangan, melakukan hijrah demi hijrah, perang demi peperangan dan membina sebuah masyarakat.

Kesemuanya menunjukkan bahawa Rasulullah SAW mengambil segala cara dan sebab yang membawa kepada kebaikan dan kejayaan dalam misinya. Dalam pada masa yang sama, baginda beriman dengan ketentuan baik dan buruk Allah SWT. Hubungan antara beriman dengan ketentuan Allah SWT dan berusaha melaksanakan semua sebab musabab sesekali tidak terpisah dalam akidah Islam.

Mengenai masalah wabak, seperti virus Corona yang baharu ini, telah dinyatakan dalam sebuah hadith yang sahih, riwayat al-Bukhari, dari Abdul Rahman bin Auf RA, berkaitan wabak Taun, di mana beliau menceritakan bahawa Rasulullah SAW telah bersabda: "Sekiranya kamu mendengar wabak Taun menimpa sesuatu tempat di muka bumi, jangan sesekali kamu pergi kepadanya. Sekiranya ia menimpa di tempat di mana kamu berada padanya, maka jangan kamu keluar lari meninggalkannya." (Riwayat al-Bukhari: 5730)

Hadith ini dengan jelas memberi petunjuk kepada kita, sekiranya berlaku penularan wabak Taun (merupakan antara wabak yang bahaya pernah menimpa permukaan bumi), tidak diharuskan bagi mereka yang berada di luarnya untuk masuk kepadanya, kerana perbuatan tersebut bererti mencampakkan diri kepada kebinasaan. Tidak diharuskan juga bagi mereka yang berada di dalam kawasan wabak untuk meninggalkannya, kerana ia akan menjadi sebab kepada penyebaran wabak di luarnya. Hal demikian kerana takdir Allah SWT yang tertulis dan tercatat dalam buku catatan seseorang pasti berlaku dan tidak akan dapat dielakkan sama sekali.

Berdasarkan hadith tersebut, dari aspek panduan menangani penularan wabak, dapat kita fahami, sesuatu penularan wabak kepada orang lain dapat dicegah dengan cara mengawal dan mencegah. Berdasarkan perihal sedemikian, dapat ditegaskan bahawa beriman dengan ketentuan al-qadar adalah satu perkara, sedangkan melakukan semua usaha pencegahan pula adalah satu perkara yang berlainan. Maka tuntutan beriman dengan ketentuan al-qadar adalah suatu kewajipan, dalam masa yang sama tuntutan melaksanakan segala usaha juga adalah kewajipan yang perlu dilakukan oleh seorang hamba Allah SWT.

Melakukan usaha adalah merupakan kesan daripada beriman dengan ketentuan Allah SWT. Saidina Umar RA telah mengajarkan kita aplikasi praktikal beriman dengan ketentuan Allah SWT (beriman dengan al-Qadar) dan mengambil segala sebab (yang membawa kepada keselamatan), sewaktu beliau enggan untuk memasuki negeri Sham ketika negeri tersebut dilanda wabak Taun. Beliau ditanya kerana tindakan tersebut: Apakah kita mahu lari daripada ketentuan (qadar) Allah SWT wahai Amir al-Mukminin? Beliau menjawab: Ya. Kita lari dari ketentuan (qadar) Allah kepada ketentuan Allah.

Justeru, apa yang dilaksanakan oleh negara-negara di seluruh dunia dewasa ini dengan menutup sempadan negara, memberhentikan penerbangan, menangguhkan pengajian, mengenakan kuarantin, menghalang perhimpunan awam, sehingga menutup semua masjid, menghalang semua faktor yang membawa kepada penularan penyakit, kesemuanya itu adalah termasuk dalam mengambil semua sebab untuk keselamatan, selaras dengan nasihat para pakar perubatan, bahawa langkah-langkah sedemikian adalah perlu bagi menekan penularan wabak.

Perkara kedua yang menjadi persoalan, kenapa Allah menjadikan ujian dan bala seumpama virus Corona ini, sedangkan Allah SWT sesekali tidak akan menzalimi makhluk-Nya, sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Imram, ayat 108, maksudnya; *dan (ingatlah), Allah tidak berkehendak melakukan kezaliman kepada sekalian makhluk-Nya.* Demikian juga disebutkan dalam sebuah hadith al-Qudsi, maksudnya; *Wahai hamba ku, sesungguhnya aku mengharamkan kezaliman ke atas ku....* Kesusahan, musibah yang berlaku sebagaimana disaksikan sama sekali bertentangan dengan apa yang ada pada sifat rahmah dan penyayang Allah SWT terhadap hamba-Nya.

Bagi menangani persoalan seumpama ini, seseorang perlu mengetahui bahawa baik dan buruk hanya dinisbahkan kepada manusia. Adapun sekiranya dinisbahkan kepada Allah SWT, kesemua ketentuan (*al-Qadar*) semuanya adalah baik, kerana Allah SWT tidak menjadikan sesuatu makhluk melainkan kerana rahmah dan hikmah yang tertentu.

Bentuk keadilan antara makhluk kadangkala dilihat dari sisi pandang manusia sebagai perkara yang buruk, namun realiti sebenar adalah kebaikan yang Allah berikan buat mereka, sama ada bagi menguji dan mencuba mereka agar mereka menjadi hamba-Nya yang sabar, di mana dengan itu darjat mereka akan diangkat oleh Allah SWT.

Kadangkala ujian dan cobaan itu adalah untuk memperbetulkan manusia, yang akan mendorong mereka untuk bertaubat dan memohon keampunan, seterusnya melakukan perkara-perkara yang diredhai Allah ke atas mereka. Demikianlah maksud firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, ayat 216, mafhumnya: *dan boleh jadi kamu benci kepada sesuatu padahal ia baik bagi kamu, dan boleh jadi kamu suka kepada sesuatu padahal ia buruk bagi kamu. Dan (ingatlah), Allah jualah Yang Mengetahui (semuanya itu), sedang kamu tidak Mengetahuinya.*

Ujian dan cubaan merupakan sebahagian daripada sunnatullah di muka bumi ini. Boleh jadi apa yang dilihat sebagai buruk oleh manusia, pada realiti sebenarnya merupakan suatu sebab kepada seseorang memperolehi rahmat Allah SWT, apabila mereka berusaha menghadapi ujian sebaik mungkin dengan bersabar dan melakukan amal soleh. Ketika mana Allah SWT menguji seseorang dengan sesuatu yang tidak ingin, pada saat itu juga Allah SWT telah membukakan kepada mereka pintu-pintu rahmat dan kebaikan di sebalik ujian yang diberikan.

Dalam isu penularan wabak COVID-19, Allah SWT telah menyediakan buat mereka yang ditimpa sakit untuk memperolehi pahala kerana bersabar, bagi yang meninggal dunia kerana COVID-19, mereka diberikan pahala mati syahid, bagi pekerja barisan hadapan yang berusaha menangani wabak pula akan diberikan pahala sedekah, tolong menolong untuk kebaikan atas

dasar takwa, manakala buat manusia keseluruhannya pula, mereka akan diganjari pahala kerana berdoa dan kerana kesungguhan mereka menjaga kesihatan diri, keluarga dan orang lain. Inilah maksud sebenar dalam pegangan akidah kita yang menyebutkan: *ketentuan baik dan buruk kesemuanya dari Allah SWT.*

Maksud inilah yang difahami dari hadith Rasulullah SAW, yang diriwayatkan oleh Muslim, dari Abi Yahya Suhaib bin Sinan, Rasulullah SAW bersabda; “Amat menakjubkan bagi setiap perkara berkaitan seseorang Mukmin, bahawa setiap perkara berkaitannya, keseluruhannya adalah baik. Tidak memperolehi perkara demikian, melainkan hanya kepada seorang Mukmin. Sekiranya dia memperoleh kebaikan, dia akan bersyukur, maka itu adalah kebaikan baginya. Sekiranya dia ditimpa kesukaran, dia akan bersabar, maka itu adalah kebaikan baginya.”(Riwayat Muslim: 2999)

Demikian juga maksud redha dengan ketentuan Allah SWT iaitu sabar dan bersyukur dengan semua perkara yang memimpaseseorang insan. Dalam hal ini kata-kata al Marhum Syeikh Sa’id Ramadhan al-Bhuti mungkin boleh diamati dengan baik : “Apabila Allah SWT menetapkan akan berlaku sesuatu sebab yang membinaaskan dan kehancuran seperti gempa bumi, gerhana bulan dan wabak, maka hikmah yang dikehendaki Allah SWT dengan semua itu, tidak dapat diragui sedikitpun. Jadi, wajib bagi seseorang untuk menerima (dengan hati terbuka) keseluruhan ketentuan Allah SWT, di mana di dalamnya terkandung hikmah, sama ada kita sedari atau sebaliknya (al-Buti, al-Insan Musayyar am Mukhayyar, hlm. 224).

Di sebalik itu, musibah pada hakikatnya adalah kesan daripada perbuatan manusia yang senantiasa membuat kerosakan dalam kehidupan mereka, sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Rum, ayat 41, maksudnya: *Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).*

Musibah juga bagi mengingatkan manusia agar bertaubat dan kembali kepada Allah SWT. Ia merupakan antara jenis balasan yang disegerakan agar seseorang mukmin dapat kembali kepada Tuhanya, mengakui kesilapan dan bangkit semula daripada kelalaianya, sebagaimana firman Allah SWT dalam kitabnya yang mulia, maksudnya: *maka Kami seksakan mereka dengan kebuluran dan penyakit, supaya mereka berdoa (kepada Kami) dengan merendah diri (serta insaf dan bertaubat)*. (Surah al-An'am, ayat 42).

Seorang Mukmin apabila diuji, mereka akan bersabar dan akan mengingatkan mereka dosa-dosa yang telah dikerjakan. Justeru, mereka akan bertaubat kepada Allah dengan penuh tawaduk, mengharapkan keampunan dari Allah SWT, dan dalam masa yang sama akan mendekatkan diri kepada-Nya.

Perbuatan ini akan menjadi sebab untuk Allah menyelamatkannya daripada musibah yang dihadapi dan menjadi sebab kepada pelupusan segala kesalahan (dosa) yang terdapat pada dirinya. Ia akan menjadi penyebab kepada darjatnya diangkat di sisi Allah SWT, sebagaimana dinyatakan dalam satu hadith yang diriwayatkan oleh Abi Sa'id al-Khudri RA dan Abu Hurairah RA di mana mereka berdua telah mendengar Rasulullah SAW bersabda: *Tidaklah seorang Mukmin yang ditimpa suatu penyakit dan keletihan, kecelakaan dan kesedihan, sehingga akan dukacita yang membelenggunya, melainkan Allah SWT akan menghapus kesalahan-kesalahannya*.

Inilah sikap Mukmin terhadap wabak virus Carona (COVID-19). Dari aspek keimanan, pertama ia merupakan ketentuan (*al-Qadr*) Allah SWT dan diikuti kewajipan mengambil semua cara untuk mencegah dan mengubati. Kemudian diikuti dengan mempercayai sepenuh hati terhadap hikmah Allah SWT yang sangat besar sedang menanti mereka di sebalik musibah ini. Sifat seorang Mukmin dalam menghadapi wabak adalah sentiasa redha terhadap apa juu ketentuan Allah.

Sekiranya akidah seorang Mukmin kekal sedemikian, itu membuktikan mereka berada di landasan yang tepat dalam menghadapi wabak. Pegangan tersebut akan memacu pemahaman yang benar dan tindakan yang betul terhadap apa jua keadaan ujian yang mereka hadapi dalam kehidupan mereka.

Catatan:

Artikel ini telah diterjemahkan oleh Bahagian Penyelidikan, JAKIM daripada makalah asal dalam bahasa Arab yang disiarkan dalam laman web: <https://www.naseemalsham.com/subjects/view/covid19> yang diakses pada 18 April 2020.

RUJUKAN

1. Al-Quran al-Karim
2. Sahih al-Bukhari
3. Sahih Muslim
4. Sunan Abu Daud
5. Sunan al-Tirmizi
6. Sunan Ibn Majah
7. Sunan An Nasaie

8. Garis Panduan Tatacara Pengurusan Jenazah Orang Islam COVID-19 Edisi 2020

9. The Muslims' COVID-19 Handbook : A Guide On How To Deal With The COVID-19 Pandemic From An Islamic Perspective, Terbitan Tazkiyah Publications

10. <http://www.moh.gov.my>

11. Keputusan Muzakarah Khas Jawatankuasa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) Malaysia bagi tahun 2020

PENGHARGAAN

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pegawai yang telah memberi sumbangan dalam penghasilan E-Book ini

Bahagian Penyelidikan, JAKIM

1. Dato' Dr. Sirajuddin bin Suhaimee
2. Dr. Abdul Ghaffar bin Surip
3. Mohd Asri bin Abdullah
4. Ridzuan bin Awang
5. Warda binti Misnon
6. Dr. Yusaini bin Yusoff
7. Anuar bin Ismail
8. Hazlin binti Kadir @ Shahar
9. Oslan Affandi bin Abdullah
10. Radihan bin Saari
11. Dr. Mohd Kamel bin Mat Salleh
12. Abdul Muhammin bin Mahmood
13. Suria binti Shapie
14. Yus Mahadi bin Yusoff
15. Zainur Akmar binti Abd Adi

Bahagian Penerbitan, JAKIM

Hamidah binti Ishak

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan

Najmuddin bin Abdul Karim

Eizzul A'la bin Bajuri @ Mohamad